

Headline	Pencalonan bukti kemampuan FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	854 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,879
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,636



Pencalonan bukti kemampuan FRIM

SEJARAH hutan warisan ini bermula pada 1926 iaitu dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) semasa zaman penjajahan British dan turut menempuh zaman penjajahan Jepun pada 1941 hingga 1945.

Selepas kekalahan Jepun dan British kembali, usaha penanaman pokok hutan diteruskan semula sehingga dirian hutan ini mencapai tahap kestabilan selari dengan tempoh penubuhan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 1985.

Namun, hari ini FRIM melihat kepentingan pembangunan hutan tersebut lebih daripada sekadar pemuliharaan dan pengelaran biodiversiti.

Malah, FRIM juga menjadi bank baka iaitu sumber genetik tumbuhan hutan dan habitat kepada pelbagai flora dan fauna yang unik mahu pun yang terancam.

Hutan tersebut pada asalnya, adalah bekas lombong bijih timah dan kebun sayur masyarakat setempat yang dibangunkan sejak

zaman sebelum Perang Dunia Kedua lagi.

Melihat kepada perihal pentingnya dan uniknya hutan buatan manusia terbesar di dunia ini maka ada kewajaran bagi menjadikannya Tapak Warisan Dunia (WHS) meskipun bukan kategori alam sekitar.

Usaha tersebut dimulakan pada Februari tahun ini, iaitu satu dokumen senarai tentatif dikemukakan kepada *World Heritage Centre* (WHC) di Paris, Perancis.

Kini, tapak hutan warisan ini berjaya tersenarai secara rasmi dalam *Tentative List WHS*- Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai lalu semasa Mesyuarat ke-41 WHC di Krakow, Poland.

Menurut ketua sekretariatnya, **Noorsiha Ayop**, dokumen pencalonan (*dossier*) dan pelan pengurusan konservasi (CMP) perlu dikemukakan kepada WHC



NOORSIHA AYOP

di Paris sebelum Februari 2019 diikuti misi penilaian, laporan maklum balas Majlis Antarabangsa Bagi Tapak dan Monumen (ICOMOS), program sokongan, pembentangan akhir tapak FRIM dan keputusan akhir pada mesyuarat WHC pada tahun 2020.

“Peringkat paling kritis melibatkan keputusan akhir Jawatankuasa Warisan Dunia,” ujarnya.

ICOMOS merupakan badan penasihat yang dilantik bagi menjalankan misi penilaian ke atas tapak di bawah kategori kebudayaan.

Menurut Noorsiha, proses penyediaan dokumen pencalonan (*dossier*) dan CMP hingga fasa misi penilaian amat rumit kerana pihaknya perlu menyiapkan pelbagai fakta, laporan, pelan pengurusan tapak sebelum misi penilaian dijalankan oleh badan penasihat ICOMOS.

“Memang proses amat rumit terutama penyediaan dokumen tapak warisan dunia.”

Dalam masa sama, selain FRIM dua lagi tapak baru yang tercalon dari Malaysia untuk mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia ialah Hutan Royal Belum dan Tapak Permatang Kuarza Gombak, Selangor.

Tapak Warisan FRIM seluas 544.3 hektar yang terbentuk hari ini, adalah sejarah dengan peranan utamanya sebagai pusat kecermerlangan dan peneraju di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan perhutanan, pemuliharaan biodiversiti dan perlindungan hutan tropika.

Hutan FRIM itu kini mencapai usia hampir 100 tahun, merupakan sebuah ekosistem buatan manusia yang menyimpan pelbagai komposisi biodiversiti hutan tropika seperti flora, fauna, serangga dan fungi.


Hutan ini turut bertindak sebagai sebuah bank bagi penyimpanan pelbagai bahan baka terbaik spesies balak tropika yang amat bernilai.

- LAUPA JUNUS



PETUGAS mengumpul maklumat pada pokok.

Headline	Pencalonan bukti kemampuan FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	854 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,879
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,636



INFO

Nilai keunggulan sejagat (OUV) 1

Hutan Hujan Tropika Buatan
Manusia Tertua Didunia

Ekologi hutan

- Sumber kepada fenologi dan asli
- Pembibakan tanaman
- Genetik forest
- Amalan Silvikultur
- Sejarah penanaman
- Penyimpanan karbon
- Iklim mikro
- Tanah hutan
- Ekonomi hutan

OUV 2

- Flora
- Fauna
- Serangga
- Fungi (kulat)

OUV 3

Contoh usaha saintifik terbaik

- Koleksi sumber genetik dan hidup yang disimpan
- Dokumentari dan rujukan visual
- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- Bangunan bersejarah
- Penerbitan yang pelbagai
- Plot ekologi jangka panjang
- Pusat rujukan dan kemudahan penyelidikan
- Anugerah dan pengiktirafan



SIMPANAN bahan berkenaan flora dan fauna.

Headline	Pencalonan bukti kemampuan FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	854 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,879
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,636

